A

Kamarruzaman bin Mustafa lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — RAYUAN JENAYAH NO 42A–07 TAHUN 2004

B MOHD AZMAN HUSIN PK

9 OKTOBER 2006

C *Acara Jenayah — Penghakiman — Kandungan — Kegagalan penggunaan perkataan oleh hakim di akhir kes pendakwaan dan dalam alasan penghakiman — Sama ada 'illegality' atau 'irregularity'*

D *Acara Jenayah — Tuduhan — Kesilapan dalam tuduhan — Kesilapan menyatakan masa — Sama ada mahkamah dapat meminda masa tersebut — Kanun Tatacara Jenayah s 316(b)(ii)*

E *Undang-Undang Jenayah — Akta Pencegahan Rasuah (Malaysia) — ss 10(a)(aa) dan 11(a) — Anggapan undang-undang — Suapan diminta oleh ejen kerajaan sebagai dorongan — Sama ada tertuduh dapat menyangkal kes prima facie atas imbangan kebarangkalian*

F Perayu/tertuduh dituduh dengan dua pertuduhan di bawah ss 10(a)(aa) dan 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang boleh dihukum di bawah s 16. Di akhir kes pendakwaan, puan hakim mahkamah sesyen memutuskan bahawa pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh untuk kedua-dua pertuduhan. Empat intipati pertuduhan telah dibuktikan iaitu; (i) tertuduh adalah seorang agen kerajaan Malaysia; (ii) tertuduh telah meminta untuk dirinya satu

G suapan RM500 pada 30 Januari 2001; (iii) keadaan di mana suapan itu diminta menimbulkan anggapan bahawa suapan itu diterima secara rasuah; (iv) suapan diminta sebagai dorongan untuk melepaskan lori kepunyaan SP4 yang ditahan kerana kesalahan cukai jalan tamat tempoh. Dalam pembelaan, tertuduh mengaku menerima duit itu tapi bukan dengan niat untuk rasuah diri beliau. Beliau terima duit itu untuk satu K/Insp Norhisham.

H

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

I (1) Keterangan yang dikemukakan oleh responden/pendakwaan berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu untuk kedua-dua pertuduhan. Terdapat percanggahan keterangan saksi-saksi pendakwaan. Namun begitu mahkamah berpendapat percanggahan itu tidak ketara dan tidak menjejaskan kes prima facie yang dibentangkan (lihat *Public Prosecutor v Datuk Harun Hj Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15 dan *Yan Wing Lee v Public Prosecutor* [1993] MLJU 99). Ringkasnya percanggahan kecil itu tidak bererti

mereka bercakap bohong. Percanggahan itu berlaku kerana ingatan yang kurang baik dan kejadian telah lama berlaku. Namun demikian, intipati cerita atau fakta adalah sama (lihat perenggan 27).

(2) Puan hakim mahkamah sesyen menggunakan beban bukti yang betul di akhir kes pendakwaan iaitu kes prima facie. Mengenai kegagalan penggunaan perkataan 'pihak pendakwa berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah' di akhir pembelaan, ia bukan 'illegality' tapi hanya 'irregularity' yang boleh dibaiki oleh s 422 Kanun Tatacara Jenayah (lihat perenggan 29).

(3) Perayu gagal menyangkal kes prima facie responden atas imbangan kebarangkalian. Pembelaan perayu adalah penafian semata-mata yang tidak disokong oleh sebarang bukti dan fakta. Keputusan kes *Public Prosecutor v Sam Kim Kai* [1960] MLJ 265 memutuskan 'mere denial is not defence'. Lebih-lebih lagi kes prima facie responden dikuatkan oleh anggapan di bawah s 42 Akta Pencegahan Rasuah 1997. Perayu gagal menyangkal anggapan itu (lihat perenggan 32).

(4) Mahkamah mendapati hanya masa pertuduhan pertama sahaja tidak tepat iaitu jam 12.30 tengahari. Mahkamah meminda masa itu kepada jam 4 petang berdasarkan s 316(b)(ii) Kanun Tatacara Jenayah. Oleh itu mahkamah tiada pilihan kecuali menolak rayuan perayu dan mengekalkan perintah yang dibuat oleh puan hakim mahkamah sesyen (lihat perenggan 33).

[English summary

The appellant/accused was charged with two charges under ss 10(a)(aa) and 11(a) of the Anti-Corruption Act 1997 punishable under s 16. At the end of the prosecution case, the learned sessions court judge held that the prosecution had proved a prima facie case against the accused on both charges. Four of the essence of the charges were proven that is: (i) the accused is an agent of the Malaysian government; (ii) the accused had solicited gratification of RM500 for himself on 30 January 2001; (iii) the circumstances in which the gratification was sought raised the presumption that the solicited gratification had been solicited corruptly; (iv) the gratification was solicited as an inducement to release the lorry belonging to SP4 which was detained due to the expiry of road tax. In his defence, the accused admitted receiving the money but not with the intention to solicit for himself. He accepted the money on behalf of one C/Insp Norhisham.

Held, dismissing the appeal:

(1) The evidence adduced by the respondent/prosecutor had succeeded in proving a prima facie case against the appellant on both charges. There was a conflict of evidence by the prosecution witnesses, although the court was of the opinion that the conflict was not material and did not affect the prima facie case presented (see *Public Prosecutor v Datuk Harun Hj Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15 and *Yan Wing Lee v Public Prosecutor* [1993] MLJU 99). In conclusion, the minor conflict did not mean they lied. Such conflict arises as a result of poor

memory and that the event happened a long time ago. However, the essence of the story or fact is the same (see para 27).

(2) The learned sessions court judge used the correct burden of proof at the end of the prosecution case which is a prima facie case. On the failure to use the word 'the prosecution had succeeded in proving a case beyond reasonable doubt' is not an illegality but just an irregularity which can be cured with s 422 Criminal Procedure Code (see para 29).

(3) The appellant failed to rebut the respondent's prima facie case on a balance of probability. The appellant's defence is mere denial unsupported by any evidence and fact. The decision in *Public Prosecutor v Sam Kim Kai* [1960] MLJ 265 held that 'mere denial is not defence'. What more a prima facie case by the respondent is strengthened further by the presumption under s 42 of the Anti-Corruption Act 1997 The appellant failed to rebut the presumption (see para 32).

(4) The court found that only the time in the first charge was inaccurate ie 12.30pm. The court therefore amended the time to 4pm based on s 316(b)(ii) of the Criminal Procedure Code. Therefore the court has no choice but to dismiss the appeal by the appellant and maintained the order made by the learned sessions court judge (see para 33).]

Notes

Untuk kes-kes mengenai kesilapan dalam tuduhan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 1067–1071.

Untuk kes-kes mengenai penghakiman secara am, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 2053–2110.

Untuk kes-kes mengenai s 11, Akta Pencegahan Rasuah (Malaysia), lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 2678–2679.

Kes-kes yang dirujuk

PP v Datuk Harun Hj Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15 (refd)

PP v Ku Yahya [1999] MLJU 731 (refd)

PP v Md Nor bin Hamid [2004] 5 MLJ 97 (refd)

PP v Sam Kim Kai [1960] MLJ 265 (refd)

PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89 (refd)

Shaiful Idzam Sulaiman v PP [2004] 2 CLJ 121 (refd)

Yan Wing Lee v PP [1993] MLJU 99 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Akta Pencegahan Rasuah 1997 ss 10(a), (aa), 11(a), 16, 42

Kanun Tatacara Jenayah ss 316(b), 316(b)(ii), 422

Naran Singh (Naran Singh & Co) bagi pihak perayu.

Borhan Othman (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Mohd Azman Husin PK:

[1] Dalam kes ini perayu/tertuduh dituduh dengan dua pertuduhan yang dibaca seperti berikut:

(1) Bahawa kamu pada 30 Januari 2001, jam lebih kurang 12.40 tengahari, di dalam kawasan Balai Polis Kampong Gajah, Kampong Gajah, di dalam Daerah Perak Tengah, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah secara rasuah meminta bagi diri kamu suatu suapan, iaitu wang tunai sebanyak RM500 daripada Swarna Singh a/l Chanan Singh, sebagai dorongan untuk melakukan sesuatu perbuatan, iaitu melepaskan lori kepunyaan Swarna Singh a/l Chanan Singh, bernombor ABY 3899 yang ditahan kerana kesalahan cukai jalan tamat tempoh, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang boleh dihukum di bawah s 16 Akta yang sama.

(2) Bahawa kamu pada 31 Januari 2001, jam lebih kurang 12.00 tengahari, di dalam kawasan Balai Polis Kampong Gajah, Kampong Gajah, di dalam Daerah Perak Tengah, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu L/Kpl RF 100095, Polis Diraja Malaysia, bertugas di Cawangan Trafik, Ibu Pejabat Daerah Polis, Daerah Perak Tengah, Parit, Perak, telah secara rasuah memperoleh untuk diri kamu, suatu suapan, iaitu wang tunai sebanyak RM500 daripada Swarna Singh a/l Chanan Singh, sebagai upah untuk melakukan sesuatu perbuatan yang berhubung dengan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu melepaskan lori kepunyaan Swarna Singh a/l Chanan Singh, bernombor ABY 3899 yang ditahan kerana kesalahan cukai jalan tamat tempoh, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang boleh dihukum di bawah s 16 akta yang sama.

[2] Responden/pendakwaan memanggil 13 orang saksi iaitu:

(1) Encik Yang Ah Lay;
(2) Encik Mohd Hasni bin Mohd Rathi;
(3) L/Kpl 94699 Abd Ariff bin Hassan;
(4) Encik Swarna Singh a/l Chanan Singh;
(5) Encik Surjan Singh a/l Giar Singh;
(6) Kpl 103182 Padmanathan a/l Muniandy;
(7) S/Insp 72550 Norraji bin Rojo;
(8) Encik Shamsul Lokeman bin Ahmad Sufian;
(9) Encik Ahmad Faiz bin Sulaiman;
(10) Encik Annuar bin Mohd Nor;
(11) K/Insp. 6844 Hambali bin Molan;

(12) ASP Azman bin Ab Rahman;

(13) Encik Hashim bin Mokhtar.

KES PENDAKWAAN/RESPONDEN

[3] Pada 30 Januari 2001, SP4 memandu motolori ABY 3899 di Jalan Tg Tualang. Beliau ditahan oleh sepasukan polis. Tertuduh minta dokumentasi SP4 dan lori beliau. Tertuduh memaklumkan SP4 yang cukai jalan lori beliau telah tamat tempoh. Tertuduh mengarahkan SP4 memandu motolori ke Balai Polis Kg Gajah untuk ditahan. Di Balai Polis Kg. Gajah, Tertuduh mengeluarkan saman terhadap SP4 kerana memandu tanpa cukai jalan dan motolori itu ditahan di Balai Polis Kg Gajah. SP4 kemudiannya menelefon kawannya SP5 memintanya memperbaharui cukai jalan. Jam 3 petang hari yang sama, SP5 menelefon SP4 bahawa cukai jalan motolori itu telah diperbaharui. Lebih kurang jam 4 petang, SP4 datang ke Balai Polis Kg Gajah dan berjumpa tertuduh dan bertanya sama ada motolori itu boleh dilepaskan. Tertuduh menjawab tak boleh dan tertuduh meminta wang kopi kerana beliau tiada wang ketika itu.

[4] Pada jam 8.45 malam, SP4 dan SP5 datang ke Balai Polis Parit membawa cukai jalan yang diperbaharui tetapi tiada anggota polis yang dapat membantu. Mereka balik ke Ipoh. SP4 menelefon pihak BPR. BPR minta dia datang ke pejabat BPR keesokan harinya.

[5] Pada pagi 31 Januari 2001, SP4 dan SP5 datang ke Pejabat BPR Ipoh. SP4 membuat aduan eksh P3 menyatakan seorang anggota polis meminta rasuah RM500 jika lori ABY 3899 beliau yang ditahan kerana kesalahan cukai jalan tamat tempoh mahu dilepaskan.

[6] Pada jam 8.15 pagi, satu taklimat perangkap diadakan oleh Penguasa Azam bin Baki yang dihadiri oleh pegawai BPR SP8, SP10 dan juga oleh pengadu SP4. SP8 bertindak sebagai pegawai penyelaras perangkap. SP10 menyediakan senarai wang bertanda yang mengandungi nombor siri wang perangkap bernilai RM50 x 10 eksh P5A-J. SP4 dan SP10 menyemak nombor siri P5A-J dengan Ekshibit P6 dan bila disahkan sama, SP10 dan SP4 tandatangan P6 dan P5A-J. Kemudian ia diserahkan kepada SP4. Pada jam 10 pagi, SP8 mengadakan taklimat ringkas di Masjid Kg Gajah yang dihadiri oleh SP4 dan SP5. SP8 menerangkan jika wang diserahkan kepada tertuduh, isyarat hendaklah diberi iaitu dengan menelefon SP8 dan memaklumkan transaksi tersebut.

[7] SP4 dan SP5 kemudian pergi ke Balai Polis Kg Gajah. Lebih kurang 40 minit satu sekatan jalanraya dibuat di depan Balai Polis. SP4 berjumpa dengan K/Insp Norhisham bertanyakan apa hendak dibuat dengan lori SP4 yang ditahan. K/Insp Norhisham mengarahkan SP4 berjumpa tertuduh. SP4 berjumpa tertuduh dan tanya apa yang hendak dibuat. Tertuduh minta RM500 daripada SP4. SP4 minta kurang kepada RM450. Kemudian tertuduh berjalan kepada K/Insp Norisham dan selepas itu tertuduh menuju semula kepada SP4 dan berkata RM500 tak boleh kurang. SP4 tanya tertuduh macam mana hendak beri. Tertuduh jawab

pergi start injin lori yang berada di Balai Polis dan beliau akan datang dengan keretanya. Tertuduh kemudian memanggil SP4. SP4 keluar dari lori dan menuju kepada tertuduh dan memberikan RM500 kepada tertuduh yang berada di dalam kereta. Tertuduh mengambil wang itu dan mengiranya. Setelah penyerahan wang itu berlaku, tertuduh memandu kereta masuk balai polis. Pada masa itu SP4 menelefon SP8 memaklumkan wang itu telah diserahkan kepada tertuduh yang ketika itu sedang memandu kereta wira berwarna putih. Penyerahan wang itu disaksikan oleh SP5.

[8] Kemudian SP8 datang ke balai polis dan menuju ke kereta tertuduh sambil memperkenalkan diri sebagai Pegawai BPR. Kemudian SP8 memanggil SP11 untuk menyaksikan bongkaran ke atas tertuduh. SP9 membuat bongkaran ke atas badan tertuduh. Wang perangkap RM500 itu dijumpai diselitkan di seluar tertuduh di celah pinggang. SP9 mengambil gambar seperti ekshibit P10 A-D. Kemudian tertuduh mengeluarkan wang perangkap itu dan menyerahkannya kepada SP9.

[9] Selepas itu SP10 membuat semakan siri nombor wang tersebut dan mendapati sama siri nombornya seperti yang dicatatkan dalam ekshibit P6. Tertuduh/perayu ditangkap dan kemudiannya dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh.

PENDAPAT MAHKAMAH SESYEN

[10] Di akhir kes pendakwaan, puan hakim mahkamah sesyen memutuskan bahawa pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh untuk kedua-dua pertuduhan. Empat intipati pertuduhan telah dibuktikan iaitu:

(i) Tertuduh adalah seorang agen kerajaan Malaysia;

(ii) Tertuduh telah meminta untuk dirinya satu suapan RM500 pada 30 Januari 2001;

(iii) Keadaan di mana suapan itu diminta menimbulkan anggapan bahawa suapan itu diterima secara rasuah. Suapan itu diterima pada 31 Januari 2001;

(iv) Suapan diminta sebagai dorongan untuk melepaskan lori kepunyaan SP4 yang ditahan kerana kesalahan cukai jalan tamat tempoh.

KES PEMBELAAN

[11] Pembelaan mengemukakan seorang saksi sahaja iaitu SD1 Kamarruzaman bin Mustafa iaitu tertuduh/perayu. Dalam pembelaan, beliau menjelaskan bahawa pada 30 Januari 2001 beliau dengan sepasukan polis yang diketuai oleh K/Insp Norhisham menjalankan tugas operasi lalulintas di kawasan Kg Gajah dari jam 10 pagi hingga 5 petang. Lebih kurang jam 10 pagi beliau menahan motolori No ABY 3899 yang dipandu oleh SP4 seorang diri. Selepas diperiksa beliau dapati motolori itu mempunyai cukai jalan yang telah tamat tempoh. Beliau menahan motolori dan pemandu. K/Insp Norhisham mengarahkan pemandu membawa motolori itu ke Balai Polis Kg Gajah.

[12] Pada 30 Januari 2001, di Balai Polis Kg Gajah, beliau menafikan meminta wang suapan RM500 daripada SP4.

[13] Pada 31 Januari 2001, tertuduh nampak pengadu bersama seorang rakannya berjumpa dengan K/Insp Norhisham. Jarak beliau dengan mereka adalah 45' dan beliau tak mendengar apa yang mereka cakapkan. Selepas itu K/Insp Norhisham memanggil beliau dan mengarahkan beliau melepaskan lori tersebut. Apabila sampai di kawasan balai, pengadu memanggil beliau yang ketika itu beliau berada dalam berek. Pengadu memberikan sejumlah wang kepada beliau untuk diserahkan kepada K/Insp Norhisham. Tertuduh tanya 'untuk apa duit itu?' dan pengadu jawab 'beri sama Norhisham dan dia tahu'. Tertuduh kemudian menerima duit itu dan simpan di kocek dekat pinggang. Beliau mengaku menerima duit itu tapi bukan dengan niat untuk rasuah diri beliau. Beliau terima duit itu untuk K/Insp Norhisham. Kemudian beliau memandu kereta ke balai Polis Kg Gajah untuk membatalkan report. Setelah masuk dalam kereta untuk tinggalkan kereta itu di kawasan balai untuk pergi ke tempat operasi berjumpa K/Insp Norhisham, ketika itu beliau ditahan oleh dua orang lelaki Melayu yang kemudiannya memperkenalkan diri sebagai pegawai BPR. Beliau diarahkan keluar dari kereta. Salah seorang dari pegawai BPR itu mengambil pistol di pinggang beliau dan bertanyakan wang yang diserahkan oleh pengadu. Beliau mengambil wang itu dan menyerahkan kepada pegawai BPR. Beliau mengaku ada menandatangani eksh P6 Senarai Wang Bertanda atas arahan pegawai BPR. Beliau selanjutnya menegaskan wang itu diterima untuk diserahkan kepada K/Insp Norhisham.

[14] Puan hakim mahkamah sesyen memutuskan pembelaan tertuduh gagal membangkitkan sebarang keraguan atas imbangan kebarangkalian ke atas kes pendakwaan. Puan hakim mahkamah sesyen mendapati tertuduh bersalah dan mensabitkan tertuduh ke atas kedua-dua pertuduhan tersebut. Sebagai hukuman puan hakim mahkamah sesyen mengenakan hukuman 30 hari penjara dan denda RM10,000 atau tiga bulan penjara jika gagal bayar untuk setiap pertuduhan.

[15] Perlu dijelaskan di sini bahawa kes ini pada mulanya didengar oleh puan hakim mahkamah sesyen Puan Maznah bte Abdul Aziz. Beliau telah mendengar 11 orang Saksi. Rujuk Rekod Rayuan dari ms 9–84. Kemudian kes ini disambung oleh hakim mahkamah sesyen Puan Rashidah Chik kerana Puan Maznah telah bertukar ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru. Rujuk Rekod Rayuan ms 84–129. Pihak-pihak tidak membangkitkan sebarang bantahan. Tambahan pula saksi-saksi yang penting dipanggil semula memberi keterangan yang kurang jelas.

[16] Atas keputusan puan hakim mahkamah sesyen itu, perayu tidak berpuashati dan merayu tehadap keseluruhan keputusan tersebut.

PENGHUJAHAN PEGUAM PERAYU/TERTUDUH

[17] Responden/pendakwaan gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu. Pertuduhan (1) mengatakan kesalahan berlaku pada 30 Januari 2001 lebih kurang jam 12.40 tengahari dalam kawasan Balai Polis Kg Gajah. Menurut Rekod Rayuan kesalahan berlaku bukan pada jam 12.40 tengahari dan bukan di kawasan

Balai Polis Kg Gajah tetapi di luar kawasan Balai Polis Kg Gajah. Puan hakim mahkamah sesyen tak meminda pertuduhan tersebut. Keterangan SP4 tak disokong oleh keterangan SP5 rakan beliau. A

[18] Terdapat percanggahan keterangan yang ketara di kalangan saksi-saksi pendakwa. Antaranya keterangan SP11 dan SP8. SP11 menafikan yang beliau diminta menyaksikan pembongkaran oleh SP8 terhadap perayu. Dalam eksh P6 terdapat catatan bawah kanan disemak di hadapan Chif Inspektor Hambali SP11 sedangkan SP11 menafikannya. B

[19] Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 patut digunakan kerana 'transmitter', alat rakaman dan kamera yang digunakan oleh SP9 tidak dikemukakan. 'Statement' arwah K/Insp Norhisham juga tidak dikemukakan. Sebenarnya wang itu diterima oleh perayu untuk arwah K/Insp Norhisham bukan untuk perayu sendiri. C

[20] Beban bukti yang digunakan oleh puan hakim mahkamah sesyen silap. Puan hakim mahkamah sesyen sepatutnya menyatakan selepas meneliti kesemua keterangan atas imbangan kebarangkalian, pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh atas kedua-dua pertuduhan. Begitu juga di akhir kes pembelaan, Puan hakim mahkamah sesyen sepatutnya mencatatkan selepas meneliti semua keterangan di akhir kes pembelaan, atas imbangan kebarangkalian, pembelaan gagal menyangkal kes prima facie pendakwaan. D E

JAWAPAN RESPONDEN/PENDAKWAAN

[21] Responden berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu untuk kedua-dua pertuduhan. Memang terdapat perbezaan masa permintaan wang rasuah iaitu pada jam lebih kurang 3 petang 30 Januari 2001. Namun ia tak menjejaskan hakikat berlaku permintaan wang rasuah oleh perayu. Beliau memohon mahkamah menggunakan budi bicara di bawah s 316(b) Kanun Tatacara Jenayah meminda masa tersebut. F

[22] Memang terdapat percanggahan keterangan saksi-saksi pendakwa. Namun percanggahan itu adalah kecil tidak ketara. Ia tidak menjejaskan kes pendakwaan. G

[23] Kegagalan menggunakan pita rakaman dan kegagalan memanggil C/Insp Norhisham tak membolehkan Seksyen 114(g) Akta Keterangan dipakai kerana: H

(i) Tiada rakaman perbualan dibuat. Rujuk keterangan SP9 di ms 71 baris 11–17 Rekod Rayuan. Rujuk keterangan SP8 di ms 86 baris 17-18 Rekod Rayuan:

(ii) K/Insp Norhisham telah meninggal dunia pada 1 Februari 2003. Rujuk keterangan SP13 di ms 100 Rekod Rayuan. Pendakwaan menutup kes pada 29 Disember 2003. Rujuk ms 101 dan ms 106 Rekod Rayuan. Responden/Pendakwaan menawarkan kepada perayu pernyataan K/lnsp Norhisham. Rujuk ms 106 Rekod Rayuan. Perayu menyatakan mereka memerlukan pernyataan K/Insp Norhisham seperti di ms 107 Rekod Rayuan. I

Namun semasa pembelaan, tiada permohonan pernyataan itu diminta selepas perayu memilih untuk memberi keterangan bersumpah.

Responden/Pendakwaan tidak 'withhold' evidence seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Datuk Harun (No 2)*. Oleh itu s 114(g) Akta Keterangan tak terpakai.

[24] Puan hakim mahkamah sesyen tak tersilap dalam membuat keputusan.

(i) Puan hakim mahkamah sesyen telah menimbang keterangan pembelaan. Rujuk Alasan Penghakiman di ms 150–151 Rekod Rayuan. Puan hakim mahkamah sesyen menggunakan peruntukan s 42 Akta Pencegahan Rasuah 1997. 'Mahkamah mendapati tertuduh gagal membangkitkan sebarang keraguan atas imbangan kebarangkalian ke atas kes pendakwaan untuk menyangkal anggapan yang wujud di bawah s 42 Akta Pencegah Rasuah'. Ini selaras dengan keputusan kes *Public Prosecutor v Md. Nor bin Hamid* [2004] 5 MLJ 47 dan dikuatkan lagi dengan kes *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 mengenai 'presumption'.

(ii) Puan hakim mahkamah sesyen menggunakan 'standard' pembuktian yang betul iaitu pembuktian kes prima facie di akhir kes pendakwaan (ms 148 dan 150 Rekod Rayuan) dan kegagalan pembelaan membangkitkan keraguan atas imbangan kebarangkalian bagi menyangkal anggapan undang-undang di akhir kes pembelaan.

(iii) Ketiadaan perkataan 'pihak pendakwa berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah' di akhir kes pendakwaan dan 'selepas meneliti semua keterangan di akhir kes pembelaan, atas imbangan kebarangkalian, pembelaan gagal menyangkal kes prima facie pendakwaan' dalam Alasan Penghakiman tidak menyebabkan satu 'failure of justice'. la boleh di 'cure' melalui s 422 Kanun Tatacara Jenayah seperti yang diputuskan oleh kes *Shaiful Idzam Sulaiman v PP* [2004] 2 CLJ 121. Kegagalan sedemikian adalah satu 'irregularity' bukan 'illegality' dan boleh dibaiki oleh s 422 Kanun Tatacara Jenayah.

JAWAPAN PEGUAM PERAYU

[25] Mengenai beban bukti diakhir kes pembelaan, puan hakim mahkamah sesyen tak mengikuti peruntukan CPC. la adalah 'illegality' bukan 'irregularity'. Kes *Shaiful* tidak boleh dipakai di sini kerana menyentuh kes prima facie di akhir kes pendakwaan bukan di akhir pembelaan.

PENDAPAT MAHKAMAH

[26] Keterangan yang dikemukakan oleh responden/pendakwaan berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu untuk kedua-dua pertuduhan. Keterangan SP4 disokong oleh keterangan SP5, SP8, SP9, SP10 dan SP12.

[27] Terdapat percanggahan keterangan saksi-saksi pendakwaan. Namum begitu mahkamah berpendapat percanggahan itu tidak ketara dan tidak menjejaskan kes

prima facie yang dibentangkan. Rujuk kes *Public Prosecutor v Datuk Harun Hj Idris (No 2)* di ms 19BF sebelah kanan dan *Yan Wing Lee v Public Prosecutor* [1993] MLJU 99. Ringkasnya percanggahan kecil itu tidak bererti mereka bercakap bohong. Percanggahan itu berlaku kerana ingatan yang kurang baik dan kejadian telah lama berlaku. Namun demikian, intipati cerita atau fakta adalah sama.

[28] Responden tidak menyembunyikan fakta. Pita rakaman tak digunakan. 'Statement' arwah C/Insp Norhisham ditawarkan kepada perayu/tertuduh. Oleh itu s 114(g) Akta Keterangan 1950 pihak tak timbul.

[29] Puan hakim mahkamah sesyen menggunakan beban bukti yang betul di akhir kes pendakwaan iaitu kes prima facie. Mengenai kegagalan penggunaan perkataan pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah di akhir pembelaan, ia bukan 'illegality' tapi hanya 'irregularity' yang boleh dibaiki oleh s 422 Kanun Tatacara Jenayah.

[30] Mengenai masa dalam pertuduhan pertama, terdapat keterangan yang mengatakan perayu/tertuduh meminta rasuah lebih kurang jam 4 petang 30 Januari 2003. Mahkamah menggunakan budibicara yang ada di bawah s 316(b)(ii) Kanun Tatacara Jenayah dan meminda pertuduhan sewajarnya dan dibacakan kepada tertuduh.

[31] Responden/Pendakwaan membuktikan kes prima facie terhadap perayu untuk kedua-dua pertuduhan kerana intipati pertuduhan telah dibuktikan iaitu:

(i) Perayu adalah penjawat awam. Keterangan SP12 ASP Azman bin Ab Rahim adalah jelas mengenai fakta ini.

(ii) Satu suapan diminta oleh perayu terhadap SP4 untuk membolehkan lori SP4 dilepaskan yang ditahan atas kesalahan cukai jalan tamat tempoh.

(iii) Suatu suapan telah diberi kepada dan diterima oleh perayu.

(iv) Suapan itu dibayar untuk perayu melepaskan lori SP4 yang ditahan kerana cukai jalan tamat tempoh. Initipati ii–iv dibuktikan melalui keterangan SP4, SP5, SP8, SP9 dan SP10.

[32] Perayu gagal menyangkal kes prima facie responden atas imbangan kebarangkalian. Pembelaan perayu adalah penafian semata-mata yang tidak disokong oleh sebarang bukti dan fakta. Keputusan kes *Public Prosecutor v Sam Kim Kai* [1960] MLJ 265 memutuskan 'mere denial is not defence'. Lebih-lebih lagi kes prima facie responden dikuatkan oleh anggapan di bawah s 42 Akta Pencegahan Rasuah 1997. Perayu gagal menyangkal anggapan itu. Keputusan kes-kes *Public Prosecutor v Ku Yahya* [1999] MLJU 731 dan *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 adalah berkaitan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[33] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah berpendapat perintah yang dibuat oleh puan hakim mahkamah sesyen adalah betul berdasarkan kepada

keterangan yang dikemukakan dan peruntukan undang-undang yang sedia ada. mahkamah mendapati hanya masa pertuduhan pertama sahaja tidak tepat iaitu jam 12.30 tengahari. Mahkamah meminda masa itu kepada jam 4 petang berdasarkan s 316(b)(ii) Kanun Tatacara Jenayah. Oleh itu mahkamah tiada pilihan kecuali menolak rayuan perayu dan mengekalkan perintah yang dibuat oleh puan hakim mahkamah sesyen.

Rayuan ditolak.

Reported by Sally Kee